

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 18

RUANGAN : NASIONAL

Penggunaan katil ICU seluruh negara masih tinggi

Kuala Lumpur: Kadar penggunaan katil di unit rawatan rapi (ICU) bagi pesakit COVID-19 di seluruh negara masih tinggi, dengan 1,579 katil atau purata 81 peratus setakat kelmarin.

Berdasarkan perincian mengikut negeri, Kedah merekodkan penggunaan katil ICU bagi pesakit COVID-19 pada 105 peratus, disusuli Kuala Lumpur (98 peratus), Kelantan (94 peratus), Pulau Pinang (92 peratus), Terengganu (90 peratus), Selangor (89 peratus), Perak (88 peratus) dan Sarawak (86 peratus).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah melalui data dikongsi semalam, memaklumkan Sabah dan Johor turut merekodkan penggunaan katil ICU yang tinggi dengan masing-masing pada kapasiti 78 peratus.

Empat negeri merekodkan kapasiti katil ICU bagi pesakit COVID-19 di bawah 50 peratus adalah Putrajaya dengan 43 peratus, Perlis (36 peratus) dan Negeri Sembilan (26 peratus), selain Labuan yang tiada kes COVID-19 di ICU.

Bagi penggunaan katil bukan ICU membabitkan pesakit COVID-19, Dr Noor Hisham memaklumkan, ia pada 71 peratus atau 17,155 pesakit dan daripada jumlah itu, penggunaan di tiga negeri melebihi 80 peratus dan tiga negeri lagi melebihi 90 peratus.

Kelantan merekodkan peratusan tertinggi dengan 97 peratus, Johor (95 peratus), Pulau Pinang (93 peratus), Perak (82 peratus), Sarawak (88 peratus), Sabah (84 peratus), Perlis (77 peratus), Pahang (75 peratus), Putrajaya (71 peratus), Terengganu (69 peratus), Kedah (67 peratus), Kuala Lumpur (54 peratus), Melaka (53 peratus), Selangor (51 peratus), Negeri Sembilan (30 peratus) dan Labuan (11 peratus).

Sementara itu, Dr Noor Hisham memaklumkan, sebanyak 18,815 kes positif baharu COVID-19 direkodkan setakat tengah hari semalam, menjadikan kes positif keseluruhan di negara ini meningkat kepada 2,049,750.

Sarawak mencatatkan kes harian tertinggi dengan 3,660 kes, disusuli Selangor (2,718), Johor (2,206), Sabah (1,982), Pulau Pinang (1,777), Perak (1,446), Kedah (1,233), Kelantan (1,222), Terengganu (814), Pahang (712), Kuala Lumpur (493), Melaka (269), Negeri Sembilan (170), Perlis (80), Putrajaya (22) dan Labuan (11).

Penularan COVID-19

14.2 peratus kakitangan kesihatan terjejas mental

Kajian IPTK dedah petugas barisan hadapan alami kesan teruk akibat pandemik

Oleh Ahmad Suhael Adnan
ahmad.suhael@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sejumlah 14.2 peratus petugas barisan hadapan kesihatan kerajaan dikesan mengalami gangguan kesihatan mental yang teruk akibat pandemik COVID-19.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, memaklumkan jumlah itu dikesan melalui satu kajian yang dilaksanakan oleh Institut Perubahan Tingkah Laku Kesihatan (IPTK), tahun lalu.

Katanya, isu penjagaan anak di rumah ketika menjalankan tugas adalah antara faktor yang menjejaskan tahap kesihatan mental petugas barisan hadapan Kementerian Kesihatan (KKM) dalam tempoh pandemik.

"Kajian yang dijalankan oleh

IPTK Malaysia pada 2020 mendapati bahawa 14.2 peratus petugas barisan hadapan KKM mengalami gangguan kesihatan mental yang teruk (severe mental disorders).

"Antara faktor yang didapati menyumbang kepada masalah ini adalah dari segi kekurangan sokongan penjagaan anak di rumah ketika tempoh menjalankan tugas," katanya dalam jawapan bertulis di Dewan Rakyat, yang disiarkan laman web Parlimen, semalam.

Beliau menjawab soalan Datuk Dr Hasan Bahrom (PH-Tampin), yang mahu tahu sama ada KKM ada menjalankan kajian menyeluruh berhubung masalah kesihatan mental, jiwa dan tekanan hidup masyarakat bandar dan luar bandar ketika pandemik.

Minggu lalu, *BH* melaporkan lebih 70,000 petugas kesihatan KKM dikesan mengalami pelbagai gangguan emosi seperti stres, kemurungan dan kekelaruan, selain kelesuan melampau selepas

berdepan COVID-19 sejak Januari tahun lalu.

Ada kakitangan kesihatan yang ditemu bual *BH*, mengaku menangis setiap hari selama sebulan apabila pulang ke rumah, stres, berasa tidak berguna kerana tidak dapat menyelamatkan pesakit, selain kemanusiaan diri tercabar apabila terpaksa memili pesakit yang perlu 'dilepaskan' setiap hari.



Khairy Jamaluddin

Persatuan Kesihatan Mental Malaysia (MMHA) pula mendedahkan ada petugas kesihatan yang terdesak akibat gangguan emosi disebabkan pandemik COVID-19, mengambil dadah dan pil tidur bagi mengurangkan tekanan, selain mereka berisiko berdepan gangguan stres pasca trauma (PTSD), yang boleh membawa kepada hasrat bunuh diri.

Mengulas lanjut, Khairy berkata, KKM akan melaksanakan kajian lebih menyeluruh bagi melihat impak psikososial ke atas masyarakat Malaysia selepas mengambil kira impak ke-

sihatan mental terhadap orang ramai dalam tempoh pandemik.

"Kajian ini dijangka dimulakan akhir September tahun ini secara dalam talian," katanya.

Sementara itu, Khairy memaklumkan, hasil analisis dapatan daripada jumlah panggilan diterima melalui Talian Bantuan dan Sokongan Psikososial mendapati, 82.1 peratus memerlukan sokongan emosi dan kaunseling membabitkan beberapa isu utama.

Antaranya isu sosial seperti hilang pekerjaan, tiada sumber pendapatan, konflik keluarga, masalah hubungan interpersonal, stigma terhadap jangkitan, isolasi dan kurang akses kepada perkhidmatan bantuan ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Katanya, KKM sudah merangka Pelan Strategik Kesihatan Mental Kebangsaan (2020 - 2025), yang menggariskan beberapa strategi dalam menangani isu kesihatan mental.

"Ini termasuk mempromosikan kesihatan mental terhadap semua lapisan masyarakat, memastikan penyediaan dan capaian perkhidmatan kesihatan mental yang komprehensif dan berkualiti," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : COVID-19

Syor buat tempahan tiket feri

Ipoh: Perak akan mengesyorkan supaya tiada konsep pembelian tiket feri secara *walk-in* ketika pembukaan gelembung hijau pelancongan bagi destinasi pelancongan Pulau Bebas Cukai (PBC) di Pulau Pangkor pada 1 November hadapan.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Pelancongan Negeri, Datuk Nolee Ashilin Mohammed Radzi berkata, tempahan tiket berkenaan hanya boleh dibuat secara dalam talian bagi mengurangkan kesesakan di jeti itu.

38 jangkitan Delta, Beta di Kelantan

Kota Bharu: Sebanyak 38 kes jangkitan membabitkan varian Delta dan Beta yang dikesan di Kelantan sehingga Isnin lalu.

+ Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK) Datuk Dr Zaini Hussin berkata, daripada jumlah itu 13 jangkitan kes penularan varian Delta dan 25 varian Beta.

Katanya, sebelum ini, terdapat tiga kes sahaja jangkitan varian Delta dan bertambah sejak bulan ini.

"Pertambahan varian Delta itu membimbangkan memandangkan jangkitan varian itu sudah ada dalam komuniti. Jangkitan varian itu sudah menular di beberapa daerah dan masyarakat diminta lebih berhati-hati menjaga diri untuk mengelakkan penularan Covid-19," katanya.

Memandangkan beberapa sektor sudah dibuka termasuk ekonomi dan pelancongan yang melibatkan banyak pergerakan, Dr Zaini menasihatkan orang ramai supaya terus patuh prosedur operasi standard (SOP).

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : COVID-19

Penerima vaksin termuda

Budak 11 tahun hidap diabetes semangat terima dos pertama



SHARIFAH Nur Syasya sebaik selesai menerima suntikan vaksin di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (Pembantu Perubatan) Seremban.

Oleh Mohd Khidir Zakaria
am@hmetro.com.my

Seremban

“Saya bersyukur kerana Sharifah Nur Syasya yang menghidap diabetes menerima suntikan vaksin Covid-19 lebih awal berbanding kanak-kanak seusianya,” kata Nur Hamizah Md Zin.

Anaknya, Sharifah Nur Syasya Syed Saiful, 11, kelmarin, disahkan antara penerima suntikan vaksin Covid-19 termuda di Negeri Sembilan.

Kanak-kanak berkenaan yang menghidap diabetes tahap satu sejak enam tahun lalu menerima suntikan dos pertama Pfizer di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (Pembantu Perubatan) Seremban.

Menurut Nur Hamizah, 34, yang tinggal di Taman Sri Bayu di sini, dia juga bersyukur kerana anak sulungnya itu juga bersemangat menerima suntikan vaksin.

“Memandangkan Sharifah Nur Syasya dikategorikan sebagai golongan berisiko, maka dia dibenarkan menerima suntikan vaksin.

“Semalam (kelmarin), pihak Hospital Tuanku Jaafar Seremban memberitahu Sharifah Nur Syasya dise-

naraikan sebagai penerima vaksin dan saya bersyukur dan lega,” katanya.

Menurut Nur Hamizah, Sharifah Nur Syasya juga tidak mengalami kesan sampingan melainkan hanya rasa sengal pada tangan.

“Saya dan suami juga divaksin. Sejak awal lagi, kami maklumkan pada anak suntikan ini tidak sakit selain perlu diambil bagi mengurangkan risiko jangkitan.

“Mereka yang ada penyakit tidak perlu bimbang dan saya nasihatkan bersikap positif dalam menerima suntikan vaksin,” kata ibu empat anak berusia 9 bulan hingga 11 tahun ini.

Nur Hamizah berkata, pengalaman dia dijangkiti Covid-19 juga mendorongnya menasihati orang ramai supaya mengambil vaksin Covid-19 sebagai langkah keselamatan.

Katanya, dia bersyukur kerana dijangkiti Covid-19 selepas divaksin dan hanya mengalami gejala ringan.

“Saya percaya melalui suntikan vaksin, ia membuatkan gejala yang saya alami minimum kerana hanya demam selain menjalani kuarantin di rumah.

“Walaupun saya menghidap tekanan darah rendah, keadaan saya tidak teruk. Saya percaya, selain kuasa Allah SWT, ia kesan vaksin diambil sebelum ini,” katanya

“
Saya percaya melalui suntikan vaksin, ia membuatkan gejala yang saya alami minimum
Nur Hamizah

53.9 peratus rakyat Sabah lengkap vaksin

Kota Kinabalu: Lebih separuh daripada jumlah penduduk dewasa di Sabah melengkapkan dua dos vaksin setakat kelmarin.

Jurucakap perkembangan harian Covid-19 Sabah, Datuk Masidi Manjun berkata,

peratusan penduduk dewasa menerima vaksin lengkap adalah 53.9 peratus.

Menurutnya, 2,758,40 populasi dewasa layak divaksin di negeri itu berdasarkan statistik Badan Bertindak Immunisasi Covid-19 Kebang-

saan (CITF) Sabah.

“Daripada jumlah terbabit, 53.9 peratus penduduk dewasa Sabah melengkapkan pengambilan vaksin, manakala 68.6 peratus lagi memperoleh satu dos,” katanya dalam satu kenyataan

di sini, semalam.

Masidi yang juga Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan merangkap Menteri Kewangan II negeri berkata, jumlah kes harian Covid-19 di negeri itu, kelmarin kekal empat angka.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : COVID-19

Sarawak terus catat kes harian tertinggi

Kuala Lumpur: Kes baharu Covid-19 semalam menurun dengan 18,815 kes direkodkan berbanding 19,495 kes kelmarin.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, jumlah itu menjadikan kes kumulatif keseluruhan 2,049,750 kes.

Katanya, daripada kes harian itu, sebanyak 222 kes (1.2%) adalah kategori tiga, empat dan lima manakala 18,593 kes (98.8%) lagi terdiri daripada kategori satu dan dua.

"Daripada jumlah kes yang dilaporkan hari ini (semalam), tujuh kes im-

port manakala manakala 18,808 kes lagi membabitkan penularan tempatan," katanya, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, Sarawak merekodkan kes harian tertinggi dengan 3,660 kes diikuti Selangor 2,718 kes, Johor (2,206 kes) Sabah (1,982 kes) dan Pulau Pinang (1,777 kes).

"Perak pula merekodkan 1,446 kes, Kedah (1,233 kes), Kelantan (1,222 kes), Terengganu (814 kes) dan Pahang (712 kes). Manakala Kuala Lumpur merekodkan 493 kes, Melaka (269 kes), Negeri Sembilan (170 kes), Perlis (80 kes) dan Putrajaya (22 kes)," katanya.

Boleh tunda penerbangan jika keputusan positif

Langkawi: Pelancong boleh menangguhkan penerbangan jika didapati positif selepas menjalani ujian pengesanan Covid-19 sebelum berlepas ke Langkawi.

Menteri Pelancongan Seni dan Budaya, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, syarikat penerbangan membenarkan pelancong menangguhkan perjalanan dan mereka masih boleh datang melancong ke Langkawi.

"Begitu juga dengan penginapan, ia boleh ditangguhkan. Kita sudah berbin-cang dengan Persatuan Hotel Malaysia (MAH), mereka juga membenarkan ia ditangguhkan.

"Itu sudah kita uruskan semuanya," katanya dalam sidang media selepas merasmikan platform Mycraftshoppe di Kompleks Kraf Langkawi, Teluk Yu di sini, semalam.

Lima dikesan positif

Kuala Lumpur: Lima kes positif dikesan hasil saringan Covid-19 terhadap individu yang mahu berlepas ke Pulau Langkawi di pintu masuk udara dan laut, sehingga jam 12 tengah hari semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, seramai 2,546 individu disaring di pintu masuk udara dan laut ke Pulau Langkawi

sehingga jam 12 tengah hari.

"Jumlah itu membabitkan seramai 1,250 individu yang disaring di empat pintu masuk lapangan terbang dan 1,296 individu melalui feri di Kuala Perlis.

"Seramai 2,528 individu menjalani ujian RTK-Ag (kendiri) dan daripada jumlah itu, sebanyak lima kes positif Covid-19 dikesan," katanya.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NEGARA

Kanak-kanak 11 tahun penerima vaksin termuda di Negeri Sembilan

SEREMBAN – Seorang kanak-kanak berusia 11 tahun, Sharifah Nur Syasya Syed Saiful yang menghidap diabetes merupakan antara penerima vaksin termuda di Negeri Sembilan.

Kanak-kanak itu selesai menerima suntikan dos pertama vaksin jenis Pfizer di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (Pembantu Perubatan), Seremban kelmarin.

Ibunya, Nur Hamizah Md. Zin, 34, berkata, anak sulungnya itu dinasihatkan doktor untuk divaksin kerana dikategorikan sebagai golongan berisiko.

"Anak saya menghidap penyakit diabetes tahap satu sejak enam tahun lalu.

"Semalam (kelmarin) pihak Hospital Tuanku Ja'afar Seremban maklumkan anak saya disenaraikan sebagai penerima vaksin dan perlu disuntik hari yang sama," katanya di sini semalam.

Menurutnya, Sharifah Nur



SHARIFAH NUR SYASYA selesai menerima dos pertama Pfizer di PPV di Institut Latihan Pembantu Perubatan, Seremban kelmarin.

Syasya yang bersekolah di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Bandar Sri Sendayan, di sini begitu bersemangat dan teruja untuk menerima suntikan vaksin.

"Sebagai ibu, saya sangat bersetuju apabila dimaklumkan anak akan divaksin kerana

dia berisiko, malah dia sendiri yang hendak disuntik dan tidak takut.

"Alhamdulillah, anak tidak mengalami kesan sampingan yang teruk hanya sengal pada tangan selepas disuntik," tambahnya.

422 kematian, hanya lima kes harian kelmarin

PUTRAJAYA – Hanya lima kematian Covid-19 dilaporkan dalam tempoh 24 jam kelmarin daripada jumlah 422 kes yang dipaparkan di laman web COVIDNOW.

Mengikut data yang dikemas kini sehingga 11.59 malam kelmarin, terdapat sebanyak 107 kes kematian sebenar bagi purata tujuh hari.

"Kes kematian tersebut menjadikan jumlah terkini kematian Covid-19 mencecah 22,009 kes."

"Terdapat 92 kes meninggal dunia di luar hospital atau brought-in-dead (BID) dengan jumlah terkini kes BID di seluruh negara sebanyak 4,158 kes," katanya di sini semalam.

Dalam masa sama, 422 kes kematian tersebut dilaporkan di Selangor (116), Kedah (79), Sabah (71), Johor (46), Pulau Pinang (37), Perak (21), Kelantan (16), Kuala Lumpur (11), Pahang (10), Sarawak (5), Terengganu (4), Perlis (4) dan Melaka (2).

Selain itu, tiada kematian dicatatkan di Negeri Sembilan,

COVID-19

Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
Kes baharu	18,815
Import	7
Tempatan	18,808
Pulih	16,939
Jumlah kes sembuh	1,800,278
Jumlah kes keseluruhan	2,049,750

Labuan dan Putrajaya.

"Sebanyak 225,590 kes aktif melibatkan 186,773 kes dikuarantin di rumah, 25,283 kes di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC), 12,254 kes di hospital, 642 kes di Unit Rawatan Rapi (ICU) tanpa bantuan pernafasan dan 638 kes di ICU dengan bantuan pernafasan," ujarnya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Lima kes positif dikesan sebelum ke Langkawi

Hasil saringan ujian RTK-Ag di empat pintu masuk lapangan terbang dan terminal feri

Oleh MUHAMMAD ZULKARNAIN MOHD AZMAN

SHAH ALAM

Lima kes positif Covid-19 dikesan melalui saringan ujian RTK-Ag terhadap 2,528 individu yang mahu ke Pulau Langkawi pada Khamis di empat pintu masuk lapangan terbang dan terminal feri di Kuala Perlis.



FOTO: BERNAMA

Setiap pelancong yang bercuti ke Pulau Langkawi, Kedah diwajibkan menjalani ujian saringan Covid-19 sebelum memulakan perjalanan ketika tinjauan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur pada Khamis.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, sehingga jam 12 tengah Khamis, seramai 2,546 disaring di pintu masuk udara dan laut ke Pulau

Langkawi.

Menurut beliau, jumlah tersebut melibatkan 1,250 orang yang disaring di empat pintu masuk lapangan terbang dan 1,296 orang melalui feri di

Kuala Perlis.

"Enam individu menjalani ujian RT-PCR sebelum ke lapangan terbang, dan kesemua keputusan adalah negatif.

"Baki 12 orang kanak-kanak di bawah usia enam tahun tidak menjalani ujian Covid-19 dan dibenarkan berlepas bersama keluarga masing-masing," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Tambah beliau, kesemua lima kes yang telah dikesan merupakan kategori satu iaitu tidak bergejala.

"Kes-kes ini telah diberikan perintah Pengawasan dan Pemeliharaan di Rumah (HSO) untuk diisolasi bagi tempoh 10 hari," kata beliau.

Sarawak terus catat kes positif tertinggi

SHAH ALAM - Jumlah kes baharu Covid-19 mencatatkan penurunan kepada 18,815 dalam tempoh 24 jam lalu berbanding 19,495 kes dicatatkan pada Rabu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kes baharu yang direkodkan itu menjadikan kumulatif kes di Malaysia kini 2,049,750 kes.

"Sarawak menjadi negeri yang melaporkan kes harian tertinggi iaitu sebanyak 3,660 kes, diikuti Selangor (2,718), Johor (2,206), Sabah (1,982), Pulau Pinang (1,777), Perak (1,446), Kedah (1,233) dan Kelantan (1,222)," katanya dalam kenyataan pada Khamis.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham berkata, daripada jumlah kes yang dilaporkan pada Khamis terdapat 222 kes (1.2 peratus) adalah kategori tiga hingga lima manakala 18,593 kes (98.8 peratus) lagi adalah terdiri daripada kategori satu dan dua.

"Sebanyak 1,222 pesakit dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 710 daripadanya memerlukan bantuan pernafasan.

"Bagi jumlah kes sembuh pula, sebanyak 16,999 kes dilaporkan menjadikan jumlah keseluruhan 1,800,278 kes," katanya.

Beliau berkata, terdapat 21 kluster baharu dikenal pasti membabitkan sembilan kluster tempat kerja, enam kluster komuniti, dua kluster berisiko tinggi, tiga pendidikan dan satu pusat tahanan.

"Jumlah keseluruhan kluster adalah 5,228 dan 3,822 telah diisytiharkan tamat manakala 1,406 lagi masih aktif," katanya.

Pematuhan SOP tempat awam KL, Putrajaya dipantau menerusi CCTV

KUALA LUMPUR - Penguatkuasaan di lokasi tumpuan awam dan taman riadah di Kuala Lumpur dan Putrajaya akan dipertingkatkan dalam usaha memantapkan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) susulan peralihan ke Fasa 2 Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Shahidan Kassim berkata, beberapa

tempat tumpuan di Putrajaya dilengkapi kemudahan rakaman kamera litar tertutup (CCTV) dan pembesar suara.

"Ada bilik gerakan yang akan *monitor* pematuhan SOP. Peringatan boleh dibuat melalui pembesar suara jika ada pelanggaran SOP selain hebahan dilakukan supaya pengunjung menjaga penjarakan sosial.

"Bukan hanya aspek penguatkuasaan, penguat kuasa juga membantu jika berlaku kecemasan melalui butang kecemasan yang dipasang di beberapa lokasi tumpuan," katanya di sini pada Khamis.

Sementara di Kuala Lumpur, Shahidan berkata, pemantauan SOP di Kuala Lumpur digerakkan melalui hebahan menggunakan kereta peronda dari masa ke masa.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Kanak-kanak 12 tahun terima vaksin

Sharifah Nur Syasya hidup diabetes, antara penerima suntikan termuda di Negeri Sembilan

Oleh SYAMILAH ZULKIFLI

SEREMBAN

Kanak-kanak berusia 12 tahun dari Taman Nusari Bayu, di sini merupakan antara penerima suntikan vaksin Covid-19 yang termuda di Negeri Sembilan.

Sharifah Nur Syasya Syed Saiful selesai menerima suntikan dos pertama Pfizer BioNTech di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (Pembantu Perubatan) di sini pada Rabu.

Ibunya, Nur Hamizah Md Zin, 34, berkata, dia bersyukur apabila anak sulungnya itu me-



Sharifah Nur Syasya selepas menerima vaksin di PPV di Institut Latihan KKM Seremban pada Rabu.

nerima vaksin lebih awal berbanding kanak-kanak lain memandangkan Sharifah Nur Syasya dikategorikan sebagai golongan berisiko.

"Anak saya menghidap penyakit diabetes tahap satu sejak enam tahun lalu.

"Semalam (Rabu) pihak Hospital Tuanku Jaafar di Seremban memaklumkan nama

anak saya disenaraikan sebagai penerima vaksin dan ia melegakan saya," katanya.

Ujarnya, anaknya tidak mengalami sebarang kesan sampingan melainkan hanya sengal pada tangan selepas sehari dicucuk vaksin.

"Saya dan suami pun dah cucuk vaksin. Kami dari awal lagi dah beritahu kepada anak-anak yang ia tidak sakit dan perlu untuk mengurangkan risiko jangkitan.

"Mereka yang ada penyakit juga tak perlu bimbang," katanya yang mempunyai empat anak berusia 9 bulan hingga 12 tahun.

Selain itu kata Nur Hamizah, pengalaman satu keluarganya dijangkiti Covid-19 juga membuatkan dia merasakan semua orang perlu mengambil vaksin.

"Saya bersyukur dan percaya bahawa vaksin membuatkan jangkitan Covid-19 saya tidak teruk walaupun menghidap darah rendah, saya hanya alami demam biasa dan jalani kuarantin di rumah," katanya.

KKM perlu guna kaedah seragam salur maklumat, elak kekeliruan

SHAH ALAM - Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Bank (NUBE) menyarankan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menggunakan satu kaedah yang seragam dalam penyediaan maklumat terkini kes harian Covid-19 bagi mengelakkan kekeliruan rakyat.

Setiausaha Agung NUBE, J Solomon berkata, kesatuan itu ber-

harap KKM akan menyemak semula kaedah pelaporan semasa bagi memudahkan orang ramai memperoleh maklumat terkini dan mengelakkan persepsi negatif.

Menurutnya, NUBE mendapati pihak media menyiarkan set data yang berbeza mengenai jumlah kes jangkitan harian terkini antara satu sama lain sehingga menimbulkan pelbagai

persoalan mengenai ketepatan data.

"Perbezaan dalam laporan mereka dipercayai berpunca daripada kelainan dalam maklumat yang diperolehi daripada KKM," katanya.

Solomon berkata, kewujudan pelbagai set data mengenai status kes harian Covid-19 mengelirukan orang ramai.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : DALAM NEGERI

Segerakkan biasiswa doktor pakar

Oleh MOHAMAD HAFIZ
YUSOFF BAKRI
hafiz.yusoff@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Kerajaan perlu menyegerakan dan menambah biasiswa persekutuan kepada doktor-doktor untuk mengikuti pengajian menjadi pakar.

Presiden Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM), Datuk Dr. Kuljit Singh berkata, kerajaan juga perlu menetapkan sasaran jumlah doktor pakar bagi tempoh tertentu untuk mengisi keperluan negara.

"Malah doktor juga boleh melanjutkan pengajian sambil bekerja. Itu kurang membebaskan. Cuma ia mungkin ada masalah jika melibatkan doktor kontrak.

"Walaupun apa pun, ia tetap ber-

“**Dari dulu lagi isu ini timbul. Kekangan bajet mengurangkan peluang melatih pakar. Kuota tempat boleh tambah akan tetapi kerajaan memerlukan biasiswa kerajaan.**”

gantung kepada doktor terabit. Kerajaan tidak boleh paksa kerana ia bergantung kepada ke-

hendak sendiri," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Sebelum ini, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin berkata, negara dijangka berdepan krisis doktor pakar menjelang 2030 kerana jumlah yang ada sama ada di hospital awam atau swasta tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan rakyat.

Sehubungan itu, Khairy berharap Kementerian Kewangan dapat memberikan komitmen agar lebih banyak doktor kontrak berpeluang melanjutkan pengajian demi memenuhi keperluan berkenaan.

Bagi Presiden Persatuan Pakar Perubatan Kesihatan Awam Malaysia, Datuk Dr. Zainal Ariffin Omar pula, kekurangan peruntukan kewangan dilihat

sebagai punca utama kepada masalah itu.

"Dari dulu lagi isu ini timbul. Kekangan bajet mengurangkan peluang melatih pakar. Kuota tempat boleh tambah akan tetapi kerajaan memerlukan biasiswa kerajaan.

"Justeru, pendekatan serentak perlu dilaksanakan iaitu tambah tempat dan biasiswa dalam dan luar negara," ujarnya.

Sementara itu, jurucakap Hartal Doktor Kontrak Dr Mustapha Kamal A. Aziz berkata, selain isu slot untuk melanjutkan pengajian doktor pakar di universiti awam sangat kompetitif, jumlah tenaga pengajar juga tidak ramai.

Katanya, laluan lebih berliku bagi doktor kontrak kerana mereka mereka perlu habiskan

tempoh sebagai pegawai hospital (HO) dan ada pengalaman beberapa tahun sebagai pegawai perubatan (MO) untuk layak memohon melanjutkan pengajian sebagai pakar.

Pegawai perubatan kontrak, Dr. Muhammad Yassin berkata, separuh doktor pakar di Malaysia berada dalam sektor swasta walaupun lebih 80 peratus rakyat menggunakan perkhidmatan perubatan sektor awam.

"Isu ni akan menjadi lagi serius di masa hadapan kerana doktor kontrak tidak dapat menyambung pengajian menjadi pakar. Sebab tu penting untuk kerajaan segera menyelesaikan masalah ini dengan membenarkan doktor kontrak boleh menyambung pengajian," ujarnya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NATION/NEWS

Five deaths occurred on Wednesday

KUALA LUMPUR: Malaysia on Wednesday reported another 422 deaths from Covid-19, with 92 brought-in-dead cases.

According to the Health Ministry's CovidNow portal, only five deaths were confirmed on Wednesday; the remaining 417 were backlogged reports.

Of the 422 deaths, the Klang Valley accounted for 127; Selangor 116 and Kuala Lumpur 11.

Kedah reported 79 deaths, Sabah 71, Johor 46, Penang 37 and Perak 21.

There were no deaths in Labuan and Putrajaya.

Based on data for the past two weeks, the national average is 6.5 deaths for every 100,000 people. There were 107 deaths based on a seven-day average calculation.

Up to yesterday, the country had 1,280 active cases treated in the intensive care units (ICU), and the national ICU utilisation rate was 79.6 per cent.

Kedah remained the only state with an ICU bed utilisation rate — 101.4 per cent — surpassing the maximum capacity, but it was a decrease from the 116.3 per cent recorded the day before.

Labuan recorded the lowest ICU bed utilisation rate in the country at 17.4 per cent.

A total of 186,773 individuals

were undergoing home quarantine (82.8 per cent), and 25,283 individuals had been admitted to low-risk quarantine centres nationwide (11.2 per cent).

On daily infections, there were 18,815 new cases up to noon yesterday, which brought the national tally to 2,049,750.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah posted the latest statistics on his official Twitter account yesterday.

Sarawak still had the highest number of infections at 3,660, followed by Selangor at 2,718 and Johor at 2,206.

There were 1,982 cases in Sabah, 1,233 in Kedah, 1,777 in Penang, 1,446 in Perak and 1,222 in Kelantan.

Terengganu had 814 cases, the capital here recorded 493 cases, followed by Pahang at 712, Melaka at 269 and Negri Sembilan at 170 cases.

Labuan, Putrajaya and Perlis had 11, 22 and 80 cases, respectively.

In Kuching, Chief Minister Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg said the high number of

daily cases in the state was due to backlog cases, which involved patients with no or mild symptoms.

He said the majority of the new cases were in categories 1 and 2 due to the high vaccination rates and home quarantine.

"Our hospitals in the state are not overwhelmed despite the surge in cases. This shows we have (succeeded) in transitioning from the pandemic to endemic phase (gradually)," he said.

"Besides, we are now allowing fully vaccinated individuals to enter Sarawak without the need to undergo a 14-day quarantine. We hope this can allow those who have been separated from their family members, parents and spouses to finally reunite," he said.

However, those entering Sarawak from other states still needed to submit a reverse-transcriptase polymerase chain reaction test result.

Abang Johari was speaking after visiting a vaccine delivery centre for teenagers below 18 at Dewan Majma yesterday.



Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah



People arriving at Langkawi airport as the island resort reopened to domestic tourists yesterday. AFP PIC

94pc of Form 4, 5 students in Labuan get 1st dose

LABUAN: A total of 2,446 students in Form Four and Form Five here have received the first dose of the Covid-19 vaccine up to Wednesday, ahead of the reopening of schools on Oct 4, said Labuan Covid-19 Immunisation Task Force (CITF) chairman Rithuan Ismail.

He said this represented 94.33 per cent of the 2,593 students registered for the first phase of vaccination, which began on Sept 11.

"All the students, who were accompanied by their parents, were excited to have the opportunity to get the jabs.

"We are quite sure those who received the first dose will complete the second dose before schools reopen next month," he said yesterday.

Rithuan said phase two of the vaccination for 8,225 students aged 12 to 15 would start soon once the green light was given by the Health Ministry.

"The total number of children in Labuan eligible for the vaccination, including out-of-school children, is 10,200 but we will give priority to schoolgoing children."

He said students whose parents refused to let them get vaccinated would be dealt with by their re-



Labuan Health director Dr Ismuni Bohari administering a Covid-19 vaccine to a student recently. BERNAMA PIC

spective school authorities and the Labuan Health Department as the number was relatively small.

"There must be ways and means to ensure these unvaccinated students can continue their studies, perhaps through home-based learning," he said.

On Aug 15, Senior Education

Minister Datuk Dr Radzi Jidin said schools would reopen on Oct 3 in stages under the National Recovery Plan, starting with students in the examination years of Form Five and Form Six.

Labuan has 17 primary and 10 secondary schools, and 99 per cent of the teachers have been fully vaccinated. **Bernama**

11-year-old girl among youngest vaccine recipients

SEREMBAN: An 11-year old girl became one of the youngest Covid-19 vaccine recipients in the state.

Sharifah Nur Syasya Syed Saiful, from Taman Sri Bayu here, received the first dose of the Pfizer-BioNTech vaccine at the vaccine delivery centre in the Health Ministry's Training Institute here on Wednesday.

Nur Hamizah Md Zin, 34, said she was grateful that her eldest child was able to receive the vaccine earlier than other children of her age.

"Since my daughter was categorised under the high-risk group and was diagnosed with Type 1 diabetes six years ago, she was allowed to take the jab.

"On Wednesday, I received a call from Tuanku Jaafar Hospital in Seremban informing me that my daughter's name was on their vaccine recipients' list, and it gave me so much relief."

Nur Hamizah said her daughter was not afraid to get the jab, and was very enthusiastic about going to the vaccination centre.

She said her daughter did not experience any side effects ex-

cept for a tingling feeling on her hand a day after being injected.

"My husband and I have also taken our vaccines. From early on, we told our children that the injection will not hurt and that it is necessary to reduce the risk of infection.

"Those with other illnesses also do not have to worry and I will advise them to have a positive attitude towards the vaccines," said the mother of four children.

Nur Hamizah said her family's ordeal of being infected with Covid-19 had made her feel that everybody should get the vaccine to protect everyone's health.

She said she was grateful because she was already vaccinated when she tested positive for the virus previously, which reduced the severity of her infection.

"I believe that the vaccine reduced the severity of my infection as I only experienced a fever while undergoing home quarantine.

"Although I have high blood pressure, I feel fortunate that my condition is not as bad as some people because I have taken the vaccine," she said.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NATION/NEWS

VARIOUS STAKEHOLDERS

TASK FORCE FOR TEEN IMMUNISATION

CITF-A to decide policies, coordinate implementation of vaccination plans for adolescents

NOR AIN MOHAMED RADHI
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE Health Ministry has established a special task force known as Covid-19 Immunisation Task Force-Adolescent (CITF-A) to oversee immunisation for teenagers.

To be chaired by Deputy Health Minister Datuk Dr Noor Azmi Ghazali, the task force will decide on policies and coordinate the implementation of vaccination plans for adolescents.

"In addition, CITF-A will coordinate the strategies and implementation at the federal level with the state governments and private agencies," said the ministry in a statement recently.

CITF-A consists of various stakeholders, namely the Health Ministry, Science, Technology and Innovation Ministry, Education Ministry, ProtectHealth, the



Students, accompanied by their parents, registering at the vaccination centre at Dewan Kompleks Darul Kifayah MAIWP in Labuan on Saturday.
BERNAMA PIC

Islamic Development Department Malaysia, Social Welfare Department, Mara Education Division, the Armed Forces Health Services, the National Anti-Drug Agency, the Prisons Department and the Immigration Department.

The ministry said 60 per cent of adolescents, aged 12 to 17, will receive at least one dose of the Covid-19 vaccine by November, and 80 per cent to be fully vaccinated before school reopens next year.

"CITF-A will ensure that this target can be achieved, therefore

cooperation is required from all agencies."

On vaccination for adolescents, the ministry said priority would be given to those aged 16 and 17 years old and those who would sit for public examinations, and adolescents with comorbidities.

"It also targets students in the private education sector, adolescents in rehabilitation institutions, as well as homeless, refugees, and non-citizen adolescents," it said, adding that vaccination for adolescents would use the Comirnaty vaccine, produced by Pfizer Bio-NTech.

Comirnaty has received conditional registration approval from the National Pharmaceutical Regulatory Agency. Two doses will be administered.

The ministry said the inoculation of the vaccine would be done using three methods.

"First, via outreach to schools or institutions on a scheduled basis, where vaccination will be done by the vaccination implementation team, consisting of medical personnel, private medical practitioners or medical non-governmental organisation.

"To facilitate adolescents who

are attending full boarding or day boarding schools, an appointment for the first dose will be given at a private clinic or school that is closer to where they live, while the second dose will be given at their respective schools or their first dose administration location, if their school is not yet open.

"Second, for adolescents with comorbidities. They need to get their vaccine at the hospital or health clinic that is currently treating them.

"And third, for the adolescents who are unable to attend with their parents or guardians, they will be given an appointment at the nearest private health clinic through the MySejahtera application."

The ministry also said it had developed an institutional registration portal called Vaksin-Anak-Ku.

"All schools, educational institutions, and government and private protection and rehabilitation centres are requested to register their respective institution on the portal.

"At the same time, parents and guardians are advised to register their children as dependents in the MySejahtera application.

"This process is to enable them to obtain their MySejahtera digital vaccination certificates."

AKHBAR : THE STAR
 MUKA SURAT : 6
 RUANGAN : NATION

Dip in cases a day after slight surge

PETALING JAYA: New Covid-19 cases dipped to 18,815 yesterday from 19,495 on Wednesday, with Sarawak having the most infections at 3,660 cases.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said of the new cases, 1.2% or 222 cases were from Categories 3 to 5, while the remaining 98.8% or 18,593 cases were Categories 1 and 2.

He said Selangor reported 2,718 cases followed by Johor with 2,206 new infections.

"Cumulatively, 2,049,750 cases have been recorded in the country.

"A total of 16,939 recoveries were also recorded, bringing the total number to 1,800,278," he said in a statement.

Dr Noor Hisham said 21 new clusters were detected, bringing the total number of active clusters in the country to 1,406.

"The new clusters were detected in Johor, Terengganu, Perak, Kelantan, Pahang, and Kedah.

"Johor had six workplace clusters followed by Perak with two and Terengganu, one.

"Kelantan reported five community clusters and one high-risk group cluster while Perak also recorded one high-risk group cluster," he said.

Dr Noor Hisham added that one education cluster each was detected in Perak, Kedah and Pahang while one detention centre cluster was reported in Johor.

Meanwhile, on the Langkawi tourism bubble initiative, he said the Health Ministry had screened the tourists before they entered the island.

"As at noon, some 2,546 people were screened upon entry.

"Of the total, 1,250 people were screened at the airport while 1,296 were screened at the ferry terminal," he said, adding that five cases were detected.

Over 75% fully jabbed

KUALA LUMPUR: A total of 76.2% of the country's adult population or 17,833,355 individuals have been fully vaccinated against Covid-19.

In an infographic shared on its official Twitter account, the Covid-19 Vaccine Supply Access Guarantee Special Committee also said that as at Wednesday, 92.5% of the adult population or 21,719,553 individuals had received at least one dose of the vaccine.

This included recipients of the single-dose CanSino vaccine.

At the same time, a total of 39,234,306 doses had been administered as of Wednesday, including both single-dose and two-dose vaccines.

"On Wednesday alone, a total of 248,410 vaccine doses were administered under the National Covid-19 Immunisation Programme," it said. — Bernama

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

65,252 Sarawak teens receive first dose

KUCHING: A total of 65,252 teens in Sarawak received their first dose of the Covid-19 vaccine as of Wednesday, said Sarawak Chief Minister Datuk Patinggi Abang Johari Openg.

He said of the total, 61,271 were aged between 16 and 17 while 3,981 were teens with comorbidities aged between 12 and 15.

"We are on track before the opening of schools on Oct 3 as those aged 16 to 17 will be

fully vaccinated. They will start school in a safe environment.

"The state government would also like to thank the parents who cooperated by giving permission for their children to be vaccinated," he told reporters after visiting the Dewan Majma vaccination centre yesterday.

Sarawak became the first state to vaccinate its adolescent population when it launched the

programme on Sept 8.

Meanwhile, Abang Johari said Sarawak still has a high daily Covid-19 cases in the range of 3,000 cases.

"The cases include backlog ones. That is why the numbers are high due to the many screenings conducted last month."

Results are only being released now, he added. - Bernama